

# Buletin

Rabiul Akhir 1446H/Oktoper 2024




e-ISSN: 2600-8289

ACIS

# Pemerkasaan Pendidikan



eISSN 2600-8289



9 7 7 2 6 0 0 8 2 8 0 1

# Buletin ACIS

## SIDANG REDAKSI

### Penaung:

Prof Dr Yamin Yasin  
(Rektor)

### Penasihat:

Nasif Sidquee Pauzi  
(Ketua Pusat Pengajian ACIS)

### Editor:

Ahmad Faiz bin Haji Ahmad Ubaidah  
Nasif Sidquee Pauzi

### Sidang Pengarang:

Dr. Mohd. Kamel bin Mat Salleh  
Norafizah Mustafa & Dr Nursafra Mohd Zhaffar  
Hisam bin Satari  
Siti Aishah binti Sokhibul Fadil, Suhaila Sharil &  
Ahmad Faiz bin Haji Ahmad Ubaidah  
Dr Husnul Rita binti Aris  
Ahmad Faiz bin Haji Ahmad Ubaidah &  
Mohamad Shafiei bin Ayub  
Nuruul Hidayah Mansor, Muhammad Noor Hussin,  
Nur Syahirah Mohd Noh & Athira Ayuni Asmadi  
Nuruul Hidayah Mansor

### Penerbit:

Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
UiTM Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Seremban  
Persiaran Seremban Tiga/1  
70300 Seremban 3,  
Negeri Sembilan

### Keterangan:

Pengarang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap artikel yang dihantar dari segi ketepatan fakta dan bebas daripada unsur plagiat, terjemahan atau penyiaran di mana-mana penerbitan. Artikel menjadi milik ACIS UiTM Negeri Sembilan untuk disunting, dicetak dan diterbitkan.

Berminat untuk menerbitkan artikel akademik atau kreatif?

Hantarkan ke  
[buletinacisnsdk@gmail.com](mailto:buletinacisnsdk@gmail.com)

## Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada pembaca budiman sekalian, Alhamdulillah **Buletin ACIS siri ke-70** pada bulan Oktober 2024 yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Perkongsian utama bulan ini bertemakan “**Pemerkaasan Pendidikan**”. Selain itu, terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga Buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua.

Selamat membaca.

## Isi Kandungan

Tugas Pendidik Semulia Tugas Nabi **3**

Meneladani Rasulullah SAW dalam Pendidikan Kepada Golongan Orang Kurang Upaya (OKU): Satu Perspektif Pendidikan Islam **5**

Polemik PBS dan PBD: UPSR dan PT3 perlu Dikembalikan? **7**

Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran melalui Teknologi Maklumat (ICT) **9**

Penghayatan dan Pengamalan Nilai-Nilai Islam dalam Kehidupan Seharian Pelajar Universiti **11**

Menanam Cinta Ilmu pada Anak-Anak **14**

Etika Pembelian Barang Menurut Islam **16**

CGCT TAC401 Dan TAC451: Memahami Perubahan Bentuk Kata Kerja Bahasa Arab (*Fi'il Madhi & Fi'il Mudhari'*) **18**

*Alumni '5' Ic120 Convocation Frame* **19**

eISSN 2600-8289



## HAKCIPTA TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini  
diterbitkan secara bulanan



<https://www.facebook.com/ACISUiTMCNS/>

# Tugas Pendidik Semulia Tugas Nabi



Oleh:

**Dr. Mohd Kamel bin Mat Salleh**

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban.

Tiada siapa yang boleh menolak sifat-sifat kesempurnaan Nabi Muhammad SAW. Baginda telah diiktiraf sebagai pemimpin terulung di dunia. Di samping menjadi tokoh politik, pakar ekonomi, ketua masyarakat, imam solat jamaah, bapa dan suami mithali dan panglima tentera yang hebat, baginda juga boleh dianggap sebagai pendidik terbaik.

Ketinggian akhlak dan peribadi Rasulullah SAW dirakam oleh Allah SWT dalam al-Quran yang bermaksud "sesungguhnya pada diri Rasulullah itu bagi kamu adalah satu contoh tauladan yang baik" (Surah al-Ahzab: 21).

Walaupun baginda ummi (tidak boleh membaca dan menulis) dan tidak menerima sebarang bentuk pendidikan formal, namun secara tidak formal baginda telah melalui proses pembelajaran dari Allah SWT melalui perantaraan Malaikat Jibril dan seterusnya proses pendidikan itu diaplikasikan dalam bentuk amali dan praktikal melalui proses pengajaran kepada para sahabat baginda. Method seumpama inilah yang telah diguna pakai dalam mana-mana sistem pendidikan kini.

Walaupun baginda ummi (tidak boleh membaca dan menulis) dan tidak menerima sebarang bentuk pendidikan formal, namun secara tidak formal baginda telah melalui proses pembelajaran dari Allah SWT melalui perantaraan Malaikat Jibril dan seterusnya proses pendidikan itu diaplikasikan dalam bentuk amali dan praktikal melalui proses pengajaran kepada para sahabat baginda. Method seumpama inilah yang telah diguna pakai dalam mana-mana sistem pendidikan kini.

Allah SWT berfirman yang bermaksud "Dialah yang telah mengutuskan dari kalangan ummiyyin seorang rasul (Nabi Muhammad) dari bangsa mereka sendiri yang membacakan kepada mereka ayat-ayatNya dan menyucikan mereka serta mengajar mereka kitab al-Quran dan hikmah (al-Sunnah). Sesungguhnya mereka sebelum itu adalah dalam kesesatan yang nyata" (surah al-Jumuah: 2)

Manakala dalam surah Ali-Imran ayat 164, Allah S.W.T juga berfirman dengan maksud yang lebih kurang sama dengan ayat di atas.

Perhatikan lagi firmanNya dalam yang bermaksud "dan tidaklah Kami mengutusmu wahai Muhammad melainkan adalah untuk seluruh manusia bagi membawa berita berita gembira (kepada orang-orang yang ingkar) tetapi kebanyakannya manusia tidak mengetahuinya" (surah Saba': 28).

Ayat-ayat ini dengan jelas menunjukkan bahawa Rasulullah SAW diutuskan untuk mengajar orang ramai

tentang asas agama. Setiap pengajaran bukan sahaja mengajak kepada kebaikan tetapi juga memberi amaran dan ancaman tentang akibat melanggar perintah Allah SWT.

Ayat-ayat ini tidak menyatakan secara terperinci tentang cara Nabi bertindak sebagai guru namun teori dan amalan yang ditonjolkannya sebagai guru dinyatakan melalui al-Sunnah. Rasulullah SAW pernah keluar dari biliknya dan masuk ke masjid. Menurut Abdullah bin Amru, terdapat dua kumpulan di dalamnya, satu kelompok yang membaca al-Quran dan berdoa kepada Allah dan yang lain mengajar dan belajar ilmu. Kemudian baginda berkata kedua-dua kumpulan ini baik. "Kiranya Allah mengkehendaki, doa-doa mereka akan dimakbulkan," katanya kepada kumpulan orang yang membaca al-Quran dan berdoa kepada Allah. Kemudian baginda duduk bersama mereka dan berkata kepada mereka yang belajar dan mengajar, "bahawa sesungguhnya aku diutuskan sebagai mualim (guru yang mendidik)."

Sebagai pendidik yang pintar dan berwawasan jauh, baginda lebih menghargai majlis ilmu daripada apa-apa majlis yang lain. Ini adalah falsafah pengutusan baginda sebagai rasul. Ini selaras dengan apa yang Rasulullah katakan dalam satu hadith bahawa orang yang alim (berilmu) adalah lebih baik daripada orang yang kuat beribadat.

Di dalam satu hadith lain baginda bersabda yang bermaksud "sesungguhnya Allah tidak mengutusku untuk menyusahkan manusia dan tidak juga untuk mencari kesilapan dan keaiban orang lain, tetapi sesungguhnya Allah mengutusku adalah sebagai guru untuk memudahkan urusan manusia".

Sebagai guru, Nabi Muhammad SAW amat kreatif terutama dari sudut metodologi penyampaian, usul pengajaran dan teknik persembahan. Melalui kaedah-kaedah inilah akhirnya membawakan kejayaan baginda dalam menukar situasi kemungkaran budaya jahiliah kepada keindahan nur Islam.

Contohnya ialah usaha dan kesungguhan baginda dalam membanteras keadaan buta huruf daripada kalangan masyarakat Arab. Sejarah mencatatkan bahawa jumlah penduduk bangsa Arab Quraisy yang boleh menulis dan membaca sewaktu permulaan kebangkitan baginda sebagai rasul hanyalah sekitar 17 orang sahaja. Lantaran itulah, setiap tawanan perang Badar yang ingin membebaskan diri hendaklah setiap tawanan itu mengajar 10 orang anak orang Islam sehingga pandai menulis dan membaca.

Walaupun baginda sendiri adalah ummi, tetapi Allah SWT telah mengurniakan kepadanya ilmu pengetahuan melalui tarbiah secara langsung daripadaNya. Ini bertepatan dengan firman Allah yang bermaksud "dan Allah telah mengajarmu apa yang engkau tidak ketahui dan inilah kurniaan yang amat besar yang Allah kurniakan kepada kamu" (surah al-Nisa':113).

Kemudian, baginda memberitahu orang lain dan mengajar mereka melalui penerangan yang menarik, pertuturan yang fasih dan lancar, idea yang bernas, perwatakan yang lemah lembut, sikap yang berlapang dada,

penyayang dan pengasih. Selain itu, baginda sendiri mudah didekati, menjadikan apa yang baginda sampaikan mudah difahami oleh orang lain.

Seorang sahabat pernah menceritakan pengalamannya menimba ilmu daripada Rasulullah SAW dengan katanya “*kami pernah datang kepada Rasulullah, ketika itu kami masih muda dan umur kami hampir sebaya. Kami tinggal bersama baginda selama 20 hari. Sesungguhnya kami dapat bahawa baginda amat penyayang dan pengasih. Apabila baginda merasai bahawa kami merindui keluarga kami, baginda bertanya, siapakah yang kamu tinggalkan di kampung? Maka kami menjawab tentang siapakah yang telah kami tinggalkan. Baginda pun bersabda, kembalilah kepada keluarga kalian dan tinggallah bersama-sama mereka. Ajarlah mereka dan suruhlah mereka melakukan kebaikan dan solatlah sebagaimana kamu melihat aku menunaikan solat. Apabila masuk waktu solat, hendaklah salah seorang dari kamu azan dan orang yang paling tua hendaklah menjadi imam*”.

Dalam mengajar para sahabatnya, baginda sentiasa mencuba pelbagai pendekatan untuk menyampaikan maklumat supaya ia berkesan bergantung kepada tahap pemikiran yang berbeza, kedudukan dan perspektif pelajarnya. Ini untuk memastikan pelajar memahami maklumat. Kepelbagaian kaedah penerangan juga memastikan pelajar tidak jemu dengan apa yang mereka pelajari.

Banyak usul atau teori yang digunakan oleh baginda sebagai pendidik, termasuk bertanya kepada pelajar, meminta sahabatnya menghafal, seperti menghafal al-Quran dan hadis, menjawab soalan secara lisan, memberi contoh dan misalan yang sesuai, menggunakan kaedah melukis dan melakar, memberi nasihat secara baik, mengadakan sesi soal jawab atau perbincangan untuk mewujudkan interaksi dua hala antara guru dan murid, menggalakkan pelajarnya untuk menghafal. Untuk menarik perhatian orang yang bertanya, baginda juga pernah memegang tangan dan bahu mereka. Selain itu, baginda juga pernah bertegas dengan serius dan marah apabila perlu.

Hasilnya, terbentuklah generasi muslim yang benar-benar mantap ilmunya sehingga ramai para sahabat baginda diiktiraf sebagai ulama, fuqaha dan cendikiawan Islam yang unggul sehingga mampu berijtihad memutuskan sesuatu hukum terhadap permasalahan-permasalahan yang berlaku.

Nama-nama fuqaha besar seperti Sayidina Abu Bakar, Sayidina Umar al-Khattab, Sayidina Ali Bin Abi Thalib, Sayidina Uthman bin Affan, Ibn. Abbas, Sayidatina Aisyah, Ibn. Umar, Abu Hurairah dan lain-lain adalah bekas penuntut yang menerima ilmu secara langsung daripada Rasulullah SAW.

Bekas pelajar inilah yang kemudiannya menyebarkan pengetahuan yang mereka pelajari daripada Rasulullah ke seluruh dunia, menghasilkan tokoh ilmuan terkemuka di seluruh dunia seperti imam empat mazhab iaitu Abu Hanifah, Maliki, Syafi'i dan Hanbali.

Dalam sejarah pendidikan Islam, Nabi Muhammad SAW adalah orang pertama yang memasukkan konsep pendidikan sepanjang hayat, tanpa had umur, dari lahir hingga kematian. Ini adalah berdasarkan kepada hadis yang bermaksud “*Tuntutlah ilmu dari dalam buaian hingga ke liang lahad*”.

Baginda turut menerapkan konsep menuntut ilmu tanpa membataskan jantina samada lelaki mahupun wanita. Sabdanya yang bermaksud “*menuntut ilmu itu adalah suatu kefarduan kepada setiap orang lelaki dan wanita*”.

Pengiktirafan Nabi SAW sebagai guru dan pendidik bermula seawal proses penurunan wahyu dan pentaulihan itu datangnya dari Allah SWT supaya setiap apa yang diterima baginda disampaikan kepada manusia seluruhnya.

Rumah al-Arqam bin Abi al-Arqam atau Dar al-Arqam adalah institusi pendidikan terawal walaupun ketika itu proses pendidikan dijalankan secara tidak formal. Di situ lah Rasulullah SAW dan para sahabat berbincang terhadap isi pengajaran wahyu daripada Allah SWT secara tertutup kerana bimbangkan ancaman dan gangguan puak musyrikin ketika itu.

Selepas hijrah baginda ke Madinah, nabi telah memperluaskan medan perbincangan ilmu dan bermulalah era baru pendidikan di masjid-masjid seperti Masjid Quba dan Masjid Nabawi. Apabila jumlah pelajar yang semakin ramai dan ruang Masjid Nabawi tidak lagi dapat menampung kebanjiran penuntut yang semakin ramai, Nabi SAW telah menambah keluasan masjid dan menamakannya sebagai al-Suffah.

Itulah antara institusi terawal yang diasaskan oleh baginda sebagai lambang keunggulan baginda sebagai seorang tokoh pendidik terbilang.

# Meneladani Rasulullah SAW dalam Pendidikan Kepada Golongan Orang Kurang Upaya (OKU): Satu Perspektif Pendidikan Islam



Oleh:  
**Norafizah Mustafa**

Pelajar Pascasiswazah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah.



**Dr. Nursafra Mohd Zhaffar**  
Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau.

Rasulullah SAW diiktiraf sebagai contoh teladan yang sempurna dalam semua aspek kehidupan termasuk cara baginda menyantuni dan mendidik golongan yang memerlukan perhatian khas seperti golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Akhlak Rasulullah SAW yang penuh kelembutan dan empati terhadap golongan ini memperlihatkan betapa pentingnya memberi perhatian yang sewajarnya kepada mereka. Selain itu, baginda juga menekankan bahawa setiap individu memiliki potensi yang unik dan berharga. Potensi ini perlu dipupuk mengikut acuan syariat dengan penuh kesabaran dan keikhlasan. Justeru, artikel ini membincangkan prinsip dan pendekatan Rasulullah SAW dalam menyantuni golongan OKU pada zaman baginda. Diharapkan artikel ini dapat memberikan panduan untuk mengintegrasikan nilai-nilai Islam dalam pendidikan golongan OKU masa kini.

## Akhlik Rasulullah SAW Terhadap Golongan OKU

Rasulullah SAW sentiasa menunjukkan akhlak yang penuh kasih sayang dan menghormati martabat setiap individu termasuk golongan OKU. Dalam kitab Fath al-Bari, syarah Sahih al-Bukhari oleh Imam al-Asqalani, bahawa Rasulullah SAW telah memberikan tanggungjawab besar kepada Abdullah Ibn Umm Maktum, seorang sahabat yang buta dengan melantiknya sebagai pengganti baginda di Madinah ketika baginda keluar untuk berjihad (Al-Asqalani 2001). Ini menunjukkan bahawa baginda bukan sekadar menghormati martabat individu yang memiliki kekurangan fizikal tetapi juga mempercayai kemampuan mereka untuk memikul tanggungjawab penting dalam masyarakat. Tindakan ini menjadi bukti nyata bahawa Rasulullah SAW tidak pernah memandang rendah terhadap seseorang hanya kerana

keterbatasan fizikalnya, malah baginda mengiktiraf dan meletakkan kepercayaan kepada sahabatnya, termasuk golongan OKU.

Baginda sentiasa memberikan perhatian peribadi kepada orang-orang yang memerlukan, mendengarkan dengan sabar dan memberikan nasihat yang bijaksana (Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, no hadis 839, 840). Rasulullah SAW turut memberikan sokongan emosi kepada orang-orang yang memerlukan, menghibur mereka dalam kesedihan dan memberikan semangat dalam kesulitan. Ini dapat dilihat dalam kisah Talhah (Sahih al-Bukhari, Kitab al-Maghazi no hadis 4063) yang tangannya cacat kerana mempertahankan Rasulullah saw ketika perang Uhud. Rasulullah saw memuji kekurangan Talhah dengan menyatakan pahala yang diperolehi Talhah melalui tangannya yang lumpuh. Juga baginda memuji keberanian Talhah yang sanggup bergadai nyawa untuk seorang Nabi.

Seterusnya, dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Anas (Sahih Muslim dalam Kitab al-Fadhalin no hadis 2326) terdapat seorang wanita yang mempunyai masalah lemah akal mendekati Rasulullah SAW untuk meminta pertolongan (menunjukkan jalan). Baginda menunjukkan sifat belas kasihan dan penyayang terhadap wanita OKU tersebut dengan berjalan bersamanya sehingga urusannya selesai. Kesediaan Nabi untuk menangani masalah wanita itu dalam suasana peribadi menunjukkan empati dan keprihatinan baginda terhadap golongan OKU yang cacat mental.

Dalam keseluruhan kisah-kisah ini jelas bahawa Rasulullah SAW sentiasa menunjukkan akhlak yang penuh kasih sayang dan penghormatan terhadap martabat setiap individu termasuk golongan OKU.

## Prinsip Pendidikan Rasulullah SAW dalam Menyantuni OKU:

**1. Penghormatan terhadap Martabat Individu:** Rasulullah SAW menunjukkan bahawa setiap individu termasuk golongan OKU harus dihormati martabatnya. Ini jelas melalui pelantikan Abdullah Ibn Umm Maktum sebagai pengganti dalam tanggungjawab penting walaupun baginda memiliki kekurangan fizikal. Prinsip ini menekankan bahawa martabat seseorang tidak bergantung kepada kekurangan fizikal tetapi kepada nilai dan potensi mereka sebagai individu.

**2. Percaya pada Kemampuan Individu:** Rasulullah SAW mempercayai kemampuan setiap individu untuk memikul

tanggungjawab dan memainkan peranan penting dalam masyarakat, seperti yang dilihat dalam pelantikan Abdullah Ibn Umm Maktum. Prinsip ini mengajar kita untuk memberi kepercayaan kepada golongan OKU dan tidak memandang rendah kemampuan mereka hanya kerana keterbatasan fizikal atau mental.

**3. Memberikan Sokongan Emosi dan Moral:** Baginda memberikan sokongan emosi dan moral kepada golongan OKU dan mereka yang memerlukan seperti dalam kes Talhah yang tangannya cacat. Ini menunjukkan prinsip penting dalam pendidikan dan interaksi sosial bahawa memberi semangat dan sokongan dalam kesulitan adalah kunci dalam membantu individu untuk merasa dihargai dan diterima.

**4. Empati dan Kasih Sayang:** Rasulullah SAW menunjukkan empati dan kasih sayang kepada golongan OKU, seperti dalam kisah wanita yang lemah akal yang dibantu oleh baginda. Prinsip ini menekankan pentingnya mendengar dengan penuh perhatian dan memberikan bantuan secara peribadi kepada mereka yang memerlukan, menjadikan mereka merasa disayangi dan dihargai.

**5. Keadilan dan Inklusiviti:** Baginda mendekati golongan OKU dengan prinsip keadilan dan inklusiviti bagi memastikan mereka tidak terpinggir dalam masyarakat. Prinsip ini menunjukkan bahawa semua individu, tanpa mengira keperluan khas mereka, berhak mendapat peluang yang sama dan layanan yang adil dalam masyarakat.

Dengan mematuhi prinsip-prinsip ini, kita dapat membina masyarakat yang lebih adil, penyayang dan inklusif mengikut teladan Rasulullah SAW dalam melayani dan menghormati setiap individu.

#### **Implikasi dalam Pendidikan OKU Masa Kini:**

Dengan merujuk kepada pendekatan Rasulullah SAW, tiga implikasi penting untuk pendidikan golongan OKU masa kini boleh dirumuskan:

**Menghargai Potensi:** Menilai dan menghargai potensi unik setiap murid OKU adalah penting. Pendidikan harus disesuaikan untuk mengembangkan potensi ini melalui sokongan yang sesuai.

**Pendekatan Inklusif:** Mengamalkan pendidikan inklusif yang memberi peluang sama rata kepada semua murid. Ini termasuk memastikan bahawa pendekatan pengajaran adalah fleksibel dan boleh diakses oleh semua individu, tanpa mengira keterbatasan fizikal atau mental mereka.

**Membina Akhlak:** Fokus pada pembangunan akhlak dan peribadi dalam pendidikan, memastikan bahawa golongan OKU merasa diterima dan dihargai dalam masyarakat.

**Kesimpulannya,** meneladani Rasulullah SAW dalam pendidikan golongan OKU dapat memperkasakan peranan mereka dalam masyarakat di samping memastikan pendidikan Islam bersifat inklusif dan berkesan. Dengan mengikuti contoh baginda, kita dapat memastikan bahawa setiap individu, tanpa mengira kemampuan fizikal atau mental, mempunyai peluang untuk berkembang dan berjaya.

#### **Rujukan:**

- Ibn Hajar, A. bin A. al-A. (2001). *Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari*. Sahib al-Sami al-Maliki al-Amir al-Sultan bin Abd Aziz Aal Sa'ud.  
The Hadith, (Sahih Bukhari 839,840, Book 10, Hadith 232).  
<https://sunnah.com/bukhari:839>  
The Hadith, (Sahih Bukhari 4063, Book 64, Hadith 108).  
<https://sunnah.com/bukhari:4063>  
The Hadith, (Sahih Muslim 2326, Book 43, Hadith 102).  
<https://sunnah.com/muslim:2326>

# Polemik PBS dan PBD: UPSR dan PT3 perlu dikembalikan?



Oleh:

**Hisam bin Satari**

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban.

Pemansuhan peperiksaan taruhan tinggi seperti Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) dilihat masih menimbulkan polemik dalam kalangan ibu bapa. Ibu bapa terutama yang mempunyai anak bersekolah di Tingkatan Tiga termasuk Tahun Enam seperti belum menerima hakikat pemansuhan peperiksaan terbabit.

Sebaliknya, di negara ini ramai ibu bapa mendesak supaya peperiksaan taruhan tinggi seperti UPSR dan PT3 dikembalikan atas alasan dengan adanya peperiksaan ini, murid lebih bermotivasi dan cenderung untuk belajar.

## Apakah Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)?

Suatu pentaksiran yang bersifat holistik iaitu menilai aspek kognitif (intelek), afektif (emosi dan rohani) dan psikomotor (jasmani). Ia selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Terdapat empat komponan dalam PBS iaitu pentaksiran pusat (PP), pentaksiran Aktiviti Jasmani Sukan dan Kokurikulum (PAJSK), pentaksiran Psikometrik (PPsi) dan pentaksiran bilik darjah (PBD).

## Apakah Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)?

Pentaksiran yang berlaku secara berterusan sepanjang PdP, ia bertujuan membantu dalam perkembangan pembelajaran murid di samping membantu guru menambah baik pengajaran mereka.

## Apakah isu dua pentaksiran ini dilihat seperti gagal?

Menurut pakar pendidikan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Anuar Ahmad, pelaksanaan PBD dan PBS ketika ini dilihat kurang berkesan. Terdapat tiga syarat untuk memastikan PBD dilaksanakan dengan berkesan dan sekiranya syarat itu tidak dipatuhi PBD akan dilihat gagal dan kurang berkesan serta menimbulkan kekeliruan. Syarat pertama melalui PBD guru perlu mengajar dan menilai setiap murid dengan tempoh masa yang terhad, jika negara mahu mereka melaksanakan PBD, jumlah murid dalam kelas mestilah kurang dari 25 orang.

Syarat kedua untuk mencapai keberkesaan PBD yang tinggi adalah mempunyai silibus yang fleksibel. Negara luar yang melaksanakan PBD mempunyai silibus yang sangat fleksibel jadi guru akan merancang pembelajaran dan pengajaran berdasarkan keperluan murid dan guru boleh merancang dengan baik kerana kerja mereka tidak banyak.

"Namun, di negara kita silibus terlalu padat disebabkan kita masih melaksanakan kurikulum berasaskan peperiksaan walaupun setelah kita melaksanakan PBD sepenuhnya."

Syarat ketiga yang digariskan Anuar pula merangkumi autonomi kepada guru yang menjadi kontroversi dalam PBD. "Guru terdiri daripada mereka yang pakar dalam subjek masing-masing dan hanya guru mengetahui apa yang berlaku dalam kelas daripada segi kemajuan murid dalam pembelajaran. "Jadi bila guru berikan gred kepada pelajar, ia harus diterima oleh pihak yang berada di luar dari bilik darjah seperti guru besar, Jabatan Pendidikan malah ibu bapa. "Jadi apabila guru tidak mempunyai autonomi, pelaksanaan PBD terganggu kerana ia tidak dilihat sebagai pentaksiran yang telus dan boleh diterima," katanya.

## Apa lagi isunya?

Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, dasar pendidikan berhubung peperiksaan bagi pelajar Tahun Enam dan Tingkatan Tiga perlu disemak semula dan dirombak selepas kewujudan masalah pelajar tidak mahir membaca, menulis dan mengira (3M). Timbalan Perdana Menteri berkata, perbincangan bersama Kementerian Pendidikan (KPM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sebelum ini menyedari isu 3M adalah antara punca 10,177 pelajar tidak menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun lalu.

Mantan Menteri Pendidikan, Dato' Seri Mahdzir Khalid berkata, ia kerana peperiksaan tersebut sebelum ini telah terbukti menjadi teras kepada aspek kemenjadian murid. Saya melihat kaedah pentaksiran PBD dan PBS itu tidak menggambarkan tahap sebenar kemampuan pelajar berbanding menerusi penilaian berasaskan sistem peperiksaan. Kaedah pentaksiran tersebut juga saya fikir telah memberi beban tambahan kepada guru-guru kelas"

Selain itu tambah Mahdzir, ada kedengaran suara-suara daripada ibu bapa yang tidak berpuas hati dengan kaedah pelaksanaan PBD dan PBS yang telah menjelaskan peluang anak-anak mereka memasuki Sekolah Berasrama Penuh (SBP) atau Maktab Rendah Sains Mara (MRSM). Saya juga melihat dari sudut tahap persaingan dan kesungguhan murid Tahun 6 di sekolah rendah dan pelajar di Tingkatan 3 agak kurang apabila tidak ada peperiksaan khas seperti UPSR dan PT3 dahulu di mana murid dan pelajar berada dalam suasana persaingan dan kesungguhan yang cukup tinggi untuk mencapai kejayaan.

## Kelebihan PBS dan PBD

Prof Madya Dr Zuwati Hasim (2022) mempunyai pandangan yang berbeza bilamana beliau menyatakan PBS mempunyai banyak kelebihan berbanding peperiksaan taruhan tinggi.

Jika tujuan pentaksiran dilaksanakan adalah bagi membantu pengajaran dan pembelajaran, melalui PBS pula pentaksiran dan penilaian dalam bilik darjah (PBD) dilaksanakan secara berterusan melalui kaedah pelbagai sama ada melalui kuiz, ujian berterusan, ujian akhir tahun dan ujian alternatif. Menerusi kepelbagaian kaedah ini, ia membolehkan guru menilai murid secara menyeluruh. Proses berterusan ini juga membolehkan guru lebih memahami keperluan pembelajaran murid.

Pelaksanaan PBS ini yang menggabungkan konsep pentaksiran formatif dan sumatif, Kementerian Pendidikan mengambil langkah melaksanakan sistem ini di sekolah rendah pada 2011 dan di sekolah menengah pada 2012 sebagai antara agenda Program Transformasi Pendidikan dengan objektif pembinaan insan holistik, penguasaan ilmu dan pembentukan sikap progresif.

Berbeza dengan sistem peperiksaan taruhan tinggi yang mana rata-rata murid belajar dan menghafal untuk lulus peperiksaan. Disebabkan amalan belajar dan hafal ini, ramai murid tidak mampu mengaplikasikan ilmu pengetahuan diperoleh apatah lagi dalam mengekalkan kelestarian ilmu pengetahuan. Ia menanam budaya 'belajar kerana peperiksaan'. Perlu diingatkan, bilangan 'A' yang banyak bukan cerminan kecerdikan atau kepintaran seseorang. Apa yang perlu diterapkan adalah belajar ilmu diikuti memahami ilmu dipelajari serta boleh mengaplikasikan ilmu difahami mengikut situasi. Oleh yang demikian penilaian secara

holistik melalui PBS adalah dilihat sesuai dan ini tidak bermaksud PBS mengamalkan 'bebas peperiksaan' sepenuhnya. Jika ibu bapa benar-benar ingin memantau perkembangan pembelajaran anak, PBS dan PBD adalah pendekatan lebih baik kerana ia dilaksanakan secara berterusan.

### Rumusan

Pendidikan merupakan eleman terpenting dalam pembentukan sebuah negara. Setiap yang berkaitan dengan pendidikan perlu diperhalusi dan dikaji secara mendalam supaya istilah "budak makmal" kepada pelajar tidak berlaku sehingga mereka menjadi mangsa percaturan sesetengah pihak yang akhirnya masa depan mereka terjejas. Pelajar itu ibarat kain putih, peranan setiap pihak dari Kementerian Pendidikan, pihak sekolah dan ibu bapa harus jelas dan faham akan tanggungjawab mereka.

### Rujukan:

- Afiezy Azaman. 2024. *Pakar pendidikan senaraikan tiga sebab Pentaksiran Bilik Darjah tidak berkesan di Malaysia*. Astro awani
- Malaysia Gazette. 2024. *UPSR PT3 Komponen Penting Dalam Sistem Pendidikan, Wajar Dikembalikan Semula*
- Prof Madya Dr Zuwati Hasim. 2022. *Kemenjadian murid lebih dinamik menerusi PBS, PBD*. Berita Harian Online

# Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran melalui Teknologi Maklumat (ICT)



Oleh:

**Siti Aishah Binti Sokhibul Fadil**

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah.



**Suhaila Binti Sharil**

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau.



**Ahmad Faiz bin Haji Ahmad Ubaidah**

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban.

Teknologi Maklumat (ICT) telah menjadi salah satu komponen penting dalam kehidupan manusia pada masa kini. Penggunaan teknologinya yang sangat pesat dan luas dalam seluruh sistem pengurusan termasuklah institusi pendidikan telah banyak mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang menghasilkan pelbagai inovasi dengan kecanggihan alat teknologi serta bersesuaian dengan trend PdP pada hari ini. Hal sedemikian kerana kewujudan teknologi ICT ini telah menjadikan nilai pengetahuan (ilmu) yang diangkat tinggi dalam masyarakat kerana dengannya apa yang dipanggil pendidikan sepanjang hayat dapat dimungkinkan (Mokmin 2004). Nilai sebegini menjadi satu dorongan kepada institusi pendidikan untuk terus mengorak langkah maju ke hadapan menggunakan ICT untuk manfaat dan kebaikan kepada pelajar generasi kini. Begitu juga, kepada Institusi Pengajian Tinggi (IPT) seperti UiTM yang turut menyokong kuat penglibatan pensyarah dalam inovasi PdP menggunakan ICT dan memanfaatkan aplikasi ICT seperti *Canva*, *Powerpoint*, *Poster Maker*, *Adobe* dan lain-lain dalam tugas pelajar yang berteraskan pembelajaran sepanjang hayat.



Justeru itu, atas inisiatif menyahut saranan universiti, pensyarah mengajar kod ISC101 Akhlaq Islamiyyah iaitu Ustazah Siti Aishah Binti Sokhibul Fadil, Ustazah Suhaila Binti Sharil dan Ustaz Ahmad Faiz bin Hj Ahmad Ubaidah yang merupakan pensyarah ACIS Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah telah mengadakan program “**Penghasilan Poster Interaktif (i-POSTER)**” pada 12-14 Jun 2024 yang melibatkan seramai 166 orang pelajar semester 2 Program Diploma Pengurusan Halal (IC120) pada sesi Mac – Ogos 2024 di Kampus Kuala Pilah.



Program ini bertujuan untuk memenuhi hasil pembelajaran program IC120 (Diploma Pengurusan Halal) yang menggalakkan pelajar mengaplikasi teknologi digital untuk menyelesaikan masalah. Secara khususnya, objektif program ini adalah untuk berkongsi pengetahuan dengan pelajar berkaitan kesepadan ilmu-ilmu Islam dengan ilmu pengurusan seperti aplikasi ilmu teknologi maklumat (ICT), sebagai galakan dan pengalaman baru kepada pelajar untuk mempraktik teknologi maklumat semasa dalam PdP. Di samping itu, memberi pendedahan, latihan dan nilai tambah kepada pelajar untuk meneroka dan merekabentuk menggunakan aplikasi-aplikasi teknologi masa kini dalam tugas penelitian.



Menariknya, program ini telah menatijahkan keberjayaan pelajar menghasilkan 39 poster yang sangat kreatif, inovatif dan informatif berdasarkan tajuk yang terkandung dalam silibus kod kursus Akhlaq Islamiyyah.

Kesemua poster ini telah berjaya dipersembahkan dengan jayanya semasa pembentangan pelajar sepanjang program berlangsung dan poster yang dihasilkan itu pula telah dinilai khas oleh dua orang juri jemputan dari kalangan pensyarah ACIS iaitu Dr Mohamad Hasif Bin Jaafar dan Ustazah Nurul Atikah Binti Poniran. Sebagai galakan dan motivasi kepada pelajar untuk menghasilkan poster yang terbaik, hadiah bernilai RM900 telah diberikan kepada 6 kumpulan yang merupakan pemenang tempat pertama, kedua dan ketiga manakala 6 kumpulan lagi telah dipilih sebagai pemenang saguhati.

Bahagian c) Penilaian keberkesanan program



Hasil maklumbalas yang diterima berdasarkan laporan keberkesanan program, didapati secara puratanya majoriti pelajar (antara 75% - 80%) memberi respon bahawa program ini telah meningkatkan kemahiran dan pengetahuan tentang ICT, membantu mengaplikasi ilmu ICT dalam kehidupan sebagai pelajar di samping memberi impak positif serta wajar diteruskan pada masa akan datang.

Akhir kata, pihak pengangur ACIS ingin mengucapkan terima kasih kepada Bahagian Hal Ehwal Akademik, UiTM Cawangan Negeri Sembilan atas kelulusan peruntukan Tabung Pembangunan Akademik Pelajar (TAPA) terhadap program ini. Begitu juga kepada Ketua Pusat Pengajian ACIS yang sentiasa menyokong aktiviti pembangunan akademik pelajar khususnya pelajar program Diploma Pengurusan Halal (IC120) dan seterusnya kepada semua ahli jawatankuasa yang terlibat menjayakan program ini. Moga program sebegini dapat diadakan lagi pada masa akan datang demi kecemerlangan UiTM dan ACIS.

### Rujukan

Mokmin Basri. 2004. *Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT) dan perubahan nilai masyarakat*. Kertas kerja Seminar Antarabangsa Nilai Dalam Komuniti Pasca (SIVIC 2004). Anjuran Fakulti Sains Kognitif dan Pendidikan, Universiti Utara Malaysia. Langkawi, 4-6 September.

# Penghayatan dan Pengamalan Nilai-Nilai Islam dalam Kehidupan Seharian Pelajar Universiti



Oleh:

**Dr. Husnul Rita binti Aris**

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban.

Isu penerapan nilai-nilai Islam dalam kalangan pelajar universiti di Malaysia merupakan satu cabaran yang kompleks. Walaupun Malaysia secara rasmi merupakan negara Islam dan kebanyakan pelajar universiti beragama Islam, terdapat pelbagai masalah yang menghalang penerapan nilai-nilai Islam secara berkesan. Antara isu-isu yang dikenalpasti adalah pengaruh budaya asing, kekurangan pendidikan agama yang mantap serta persekitaran sosial yang tidak membantu dalam membentuk nilai-nilai Islam.

Salah satu masalah utama ialah pengaruh budaya Barat dan sekularisme yang semakin kuat. Budaya ini sering kali mempromosikan gaya hidup bebas yang bercanggah dengan prinsip-prinsip Islam seperti pergaulan bebas, pemakaian yang tidak menutup aurat dan hiburan yang melampau. Persekitaran ini mendorong pelajar universiti menjauhi ajaran agama kerana ingin menyesuaikan diri dengan norma sosial moden. Kajian oleh Hamdi (2020) menunjukkan bahawa pengaruh media sosial dan hiburan Barat turut menyumbang kepada penurunan penghayatan agama dalam kalangan generasi muda yang lebih cenderung meniru gaya hidup hedonistik.

Sistem pendidikan di universiti sering kali lebih memberi penekanan kepada pendidikan akademik berbanding pendidikan agama. Menurut kajian oleh Zulkifli & Norhayati (2018), ramai pelajar hanya mendapat pendidikan agama secara formal di peringkat sekolah menengah. Setelah memasuki universiti, pendidikan agama kurang ditekankan dan pelajar tidak diberikan panduan yang sewajarnya untuk mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan seharian mereka. Ini membawa kepada masalah moral seperti pergaulan bebas dan keruntuhan akhlak. Menurut satu kajian tempatan (Roslan et al., 2017), kekurangan pendedahan dan bimbingan agama di universiti menyebabkan ramai pelajar terlibat dalam aktiviti yang bercanggah dengan ajaran Islam.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "*Barangsiapa yang meniru sesuatu kaum, maka ia termasuk dari golongan mereka.*" (Hadis Riwayat Abu Dawud, Kitab al-Libas (Bab Pakaian), No. 4031)

Hadis ini memberi amaran bahawa mengikut budaya dan amalan yang tidak berlandaskan Islam akan membawa kepada penurunan penghayatan agama dalam kalangan pelajar.

Selain itu, persekitaran sosial dalam kampus sering kali tidak menyokong penerapan nilai-nilai Islam. Aktiviti sosial yang melibatkan pergaulan bebas, tekanan rakan sebaya, dan pengaruh budaya popular boleh menyebabkan pelajar menjauhi ajaran Islam. Walaupun terdapat persatuan dan program Islam di kampus, tidak semua pelajar terlibat aktif dalam aktiviti-aktiviti tersebut (Mohd et al., 2019). Tekanan untuk "menyesuaikan diri" dengan norma sosial yang bertentangan dengan ajaran Islam juga menjadi masalah utama. Pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan yang tidak berlandaskan syariat, cara berpakaian yang tidak menutup aurat, dan hiburan yang melalaikan adalah antara gejala yang kelihatan dalam kalangan pelajar universiti hari ini.

Pelajar universiti juga sering berhadapan dengan tekanan akademik dan mental yang menyebabkan mereka mencari jalan keluar melalui cara-cara yang tidak berlandaskan Islam, seperti melibatkan diri dalam hiburan yang melalaikan atau gaya hidup yang tidak sihat. Kajian oleh Abdul dan Latifah (2021) menyatakan bahawa tekanan untuk berjaya dalam pelajaran tanpa bimbingan agama yang seimbang boleh menyebabkan pelajar menjauhi agama. Islam mengajarkan keseimbangan antara kehidupan dunia dan ukhrawi, namun tekanan akademik yang tinggi menyebabkan ramai pelajar mengabaikan aspek spiritual.

Oleh itu, penerapan nilai-nilai Islam penting bagi melestarikan kehidupan para pelajar di universiti agar mereka dapat membentuk identiti diri yang kuat berlandaskan ajaran agama, serta memupuk sikap bertanggungjawab dan beretika dalam tindakan mereka. Dengan memahami dan mengamalkan nilai-nilai Islam, pelajar dapat mengimbangi aspek akademik dan spiritual, menjadikan mereka individu yang lebih seimbang dalam menghadapi cabaran kehidupan.

Tidak dinafikan bahawa penerapan nilai Islam dalam kalangan pelajar universiti di Malaysia adalah penting bagi membentuk sahsiah dan jati diri yang kukuh serta melahirkan insan yang seimbang dari segi rohani dan jasmani. Pendekatan terbaik untuk melaksanakan perkara ini memerlukan strategi yang holistik dan bersesuaian dengan konteks pendidikan tinggi serta suasana sosial di universiti. Antaranya;

Kurikulum universiti harus merangkumi subjek yang menyentuh aspek agama dan nilai-nilai Islam, sama ada melalui kursus wajib atau elektif. Penerapan nilai Islam dalam mata pelajaran seperti penghayatan etika dan peradaban adalah contoh pendekatan yang dapat memperkenalkan elemen-elemen keagamaan dalam konteks yang lebih luas. Pendekatan ini membolehkan pelajar bukan sahaja memahami teori, tetapi juga cara aplikasi nilai Islam dalam kehidupan seharian.

Menurut kajian oleh Othman (2017), penerapan nilai-nilai Islam dalam pendidikan formal di universiti telah membantu pelajar mengukuhkan akhlak mereka dan meningkatkan pemahaman tentang konsep Islam secara lebih menyeluruh dalam konteks masyarakat moden.

Penerapan nilai Islam dalam pendidikan formal bukan sahaja membina asas ilmu tetapi juga melatih pelajar menjadi insan yang berakhhlak mulia. Dalam hal ini, Allah SWT telah mengingatkan dalam al-Quran mengenai pentingnya ilmu yang membawa kepada ketakwaan.

Firman Allah SWT bermaksud: "*Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang menciptakan. Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah, dan Tuhanmu lah Yang Maha Pemurah. Yang mengajar (manusia) dengan perantaraan kalam. Dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.*" (Surah Al-'Alaq, ayat:1-5)

Ayat ini menekankan kepentingan ilmu pengetahuan sebagai landasan untuk mendekatkan diri kepada Allah dan berakhhlak baik. Dalam konteks universiti, pendidikan perlu merangkumi nilai-nilai Islam supaya ilmu yang diperoleh dapat membimbing pelajar ke arah kebaikan dan ketakwaan.

Selain pendidikan formal, aktiviti kokurikulum juga merupakan platform penting untuk penerapan nilai Islam. Kelab-kelab keagamaan seperti Persatuan Mahasiswa Islam (PMI) boleh menganjurkan program seperti ceramah, halaqah atau usrah yang memberi tumpuan kepada isu-isu kontemporari dalam Islam. Ini membantu pelajar mengamalkan nilai-nilai Islam dalam situasi sebenar serta membina jaringan sosial yang positif.

Zakaria dan Ahmad (2019), menyatakan bahawa penglibatan aktif pelajar dalam aktiviti keagamaan di universiti telah menunjukkan kesan positif terhadap pembentukan karakter dan nilai murni seperti amanah, tanggungjawab dan hormat-menghormati.

Aktiviti-aktiviti luar kuliah seperti usrah, ceramah agama dan program pembangunan sahsiah amat penting untuk memperkuatkannya lagi hubungan pelajar dengan agama. Melalui aktiviti seperti ini, pelajar dapat memahami dan mempraktikkan akhlak mulia serta membina jaringan ukhuwah Islamiyah.

Hadis Rasulullah SAW bermaksud: "*Sebaik-baik manusia adalah yang paling bermanfaat bagi orang lain.*" (Riwayat al-Tabarani dalam Mu'jam al-Awsat, No. 5787)

Hadis ini menggariskan pentingnya aktiviti kokurikulum yang memupuk sikap bantu-membantu dan hormat-menghormati di kalangan pelajar. Melalui program, sahsiah pelajar dapat menerapkan nilai kebajikan dan sentiasa berusaha untuk menjadi bermanfaat kepada komuniti mereka.

Universiti juga perlu menyediakan persekitaran yang kondusif untuk mempraktikkan nilai-nilai Islam termasuk menyediakan ruang solat, waktu solat yang sesuai serta makanan yang halal. Persekitaran fizikal yang selesa dan selari dengan syariat Islam ini penting untuk memastikan pelajar dapat menjalani kehidupan yang selari dengan tuntutan agama.

Hassan (2020), menegaskan bahawa persekitaran yang menyokong penerapan nilai Islam, termasuk kemudahan dan sokongan sosial, mampu membantu pelajar mengekalkan keseimbangan antara tuntutan akademik dan amalan agama.

Kehidupan harian di kampus yang dipenuhi dengan suasana Islamik akan memudahkan pelajar melaksanakan ibadah dan mengekalkan amalan harian yang bertepatan dengan syariat. Penyediaan ruang solat, makanan halal, dan persekitaran yang selesa untuk ibadah adalah sangat penting.

Firman Allah SWT bermaksud: "*Wahai manusia, makanlah daripada yang halal lagi baik dari apa yang terdapat di bumi, dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah syaitan; kerana sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagimu.*" (Surah Al-Baqarah, ayat:168)

Ayat ini mengingatkan kita bahawa aspek kehidupan sehari-hari seperti pemakanan yang halal adalah sebahagian daripada amalan Islam. Dalam konteks universiti, menyediakan persekitaran yang kondusif seperti ini adalah salah satu cara penting untuk menerapkan nilai Islam dalam kalangan pelajar.

Pensyarah, staf universiti serta rakan sebaya memainkan peranan penting sebagai model teladan dalam mengamalkan nilai-nilai Islam. Satu kajian menunjukkan bahawa pelajar lebih mudah terpengaruh dengan nilai yang diperaktikkan oleh individu di sekitar mereka, khususnya jika mereka dihormati dan dianggap sebagai contoh yang baik (Ali & Nor, 2018). Penerapan ini bukan sahaja berlaku di bilik kuliah tetapi juga dalam interaksi harian seperti beretika dalam percakapan, menjaga adab dan sikap bertanggungjawab.

Pendidikan tidak hanya berlaku di dalam bilik kuliah tetapi juga melalui amalan dan contoh teladan oleh pensyarah, staf dan rakan sebaya. Peranan teladan ini amat penting untuk membantu pelajar membentuk akhlak yang baik.

Hadis Rasulullah SAW bermaksud: "*Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.*" (Riwayat Ahmad, Musnad Ahmad, No. 8729, Al-Muwatta' Imam Malik, Kitab Husnul Khuluq (Akhlak yang Baik), No. 1614)

Hadis ini menekankan bahawa misi utama Rasulullah SAW adalah untuk memperbaiki dan menyempurnakan akhlak manusia. Dalam konteks universiti, para pensyarah dan staf hendaklah menjadi model yang mencerminkan akhlak yang mulia supaya pelajar dapat mencontohi mereka dalam setiap aspek kehidupan.

Penggunaan teknologi seperti aplikasi mudah alih dan platform pembelajaran atas talian juga boleh membantu penerapan nilai-nilai Islam. Terdapat pelbagai aplikasi yang membolehkan pelajar mengakses ilmu agama, panduan amalan ibadah serta pengingat waktu solat dengan lebih mudah dan pantas.

Kajian oleh Jamil (2021) menunjukkan bahawa penggunaan teknologi dalam pembelajaran agama Islam membantu pelajar lebih mendekatkan diri dengan ajaran Islam secara konsisten, di samping memudahkan mereka mengakses bahan-bahan pendidikan keagamaan.

Penggunaan teknologi sebagai medium untuk menerapkan nilai Islam juga sangat berkesan terutamanya dalam kalangan generasi muda yang sangat terdedah kepada teknologi digital. Teknologi boleh menjadi alat untuk memperkayakan pengalaman pembelajaran agama dan memudahkan amalan harian.

Firman Allah SWT bermaksud: "Katakanlah (Muhammad), 'Seandainya lautan menjadi tinta untuk (menulis) kalimat-kalimat Tuhanmu, maka pasti habislah lautan itu sebelum selesai (penulisan) kalimat-kalimat Tuhanmu, meskipun Kami datangkan tambahan sebanyak itu pula'" (Surah Al-Kahfi, ayat:109)

Ayat ini menunjukkan bahawa ilmu Allah itu tidak terbatas dan boleh disebarluaskan melalui pelbagai cara termasuk penggunaan teknologi moden. Teknologi hari ini dapat digunakan untuk menyebarkan nilai-nilai Islam dengan lebih meluas dan berkesan khususnya kepada golongan pelajar.

**Kesimpulannya**, penerapan nilai-nilai Islam dalam kalangan pelajar universiti memerlukan pendekatan yang seimbang antara pendidikan formal, aktiviti kokurikulum, teladan yang baik, persekitaran yang menyokong serta penggunaan teknologi. Sandaran kepada ayat-ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW memperkuatkan lagi usaha ini, menjadikan ia bukan sahaja suatu keperluan akademik tetapi juga kewajiban agama. Pelajar yang dididik dengan nilai Islam yang mantap akan menjadi individu yang mampu menyumbang kepada masyarakat secara holistik, baik dari segi akhlak, ilmu, dan kepimpinan.

## Rujukan

- Abdul, H., & Latifah, R. (2021). Tekanan Akademik dan Pengabaian Aspek Agama. *Jurnal Kesihatan Mental dan Spiritual*, 10(2), 58-72.
- Ali, A., & Nor, M. (2018). Pengaruh Teladan Rakan Sebaya dan Pensyarah terhadap Amalan Nilai Islam. *Jurnal Pendidikan & Pembelajaran Islam*, 2(4), 30-42.
- Hamdi, A. (2020). Pengaruh Media Sosial dan Gaya Hidup Remaja. *Jurnal Komunikasi dan Budaya*, 15(1), 45-60.
- Hassan, N. (2020). Peranan Persekutaran Kampus dalam Memupuk Amalan Islam di Kalangan Pelajar. *Jurnal Sains Sosial Islam*, 3(3), 100-112.
- Jamil, H. (2021). Teknologi dan Pendidikan Agama: Aplikasi Mudah Alih dalam Meningkatkan Amalan Ibadah. *Jurnal Teknologi Pendidikan Islam*, 8(1), 65-77.
- Mohd, R., Latifah, A., & Salmi, Z. (2019). Persekutaran Sosial dan Kesannya Terhadap Penghayatan Islam dalam Kalangan Pelajar. *Jurnal Dakwah dan Tarbiyah*, 7(2), 20-35.
- Othman, M. (2017). Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam Pendidikan di Universiti. *Jurnal Pendidikan Islam Malaysia*, 5(2), 45-57.
- Roslan, A., Mohd, S., & Noraini, K. (2017). Kekurangan Penerapan Nilai Agama di Universiti. *Jurnal Islam dan Masyarakat*, 12(1), 10-25.
- Zakaria, S., & Ahmad, R. (2019). Aktiviti Ko-Kurikulum dan Pembangunan Sahsiah Pelajar Universiti. *Jurnal Pengajian Islam*, 6(1), 25-38.
- Zulkifli, M. N., & Norhayati, M. S. (2018). Pendidikan Agama di Institusi Pengajian Tinggi: Satu Tinjauan. *Jurnal Pendidikan Islam*, 11(3), 80-95.

# Menanam Cinta Ilmu pada Anak-Anak



Oleh:

**Ahmad Faiz bin Haji Ahmad Ubaidah**

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban.



**Mohamad Shafiei bin Ayub**

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah.

Manusia atau insan adalah makhluk dwi dimensi iaitu terdiri daripada dua unsur iaitu roh dan jasad. Jasad memerlukan makanan untuk membesar dan terus sihat. Aspek fizikal seperti sains dan teknologi diperlukan untuk membangunkannya. Manakala aspek rohani pula merupakan kekuatan dalaman yang perlu digilap untuk memandu jasad menjadi kehidupan. Unsur-unsur ini perlu dididik dan dibina bagi melahirkan insan yang bertanggungjawab dalam mentadbir alam dengan penuh amanah untuk menjaga hubungannya dengan Khaliq, sesama manusia dan alam semulajadi. Ilmu merupakan perkara yang penting dalam membina roh dan jasad manusia. Ini kerana ilmu membolehkan manusia mencapai keseimbangan antara keperluan fizikal dan rohani. Dengan ilmu, seseorang dapat memastikan jasadnya sihat dan kuat, sambil membina kekuatan rohani yang diperlukan untuk menghadapi cabaran kehidupan. Keseimbangan ini penting untuk melahirkan insan yang seimbang, mampu menjalankan tanggung jawabnya dengan penuh amanah dan menjadi khalifah yang baik di muka bumi.

Ilmu rohani merujuk kepada pengetahuan tentang keimanan, nilai moral, etika dan prinsip spiritual. Ia berfungsi sebagai panduan untuk memenuhi keperluan rohani manusia, yang melibatkan aspek-aspek seperti ketenangan jiwa, kebahagiaan dalaman, tujuan hidup dan hubungan dengan Tuhan (Khaliq). Melalui ilmu rohani, manusia dapat membangunkan sifat-sifat positif seperti kesabaran, keikhlasan dan rasa syukur serta menghindari sifat-sifat negatif seperti kesombongan, iri hati dan dendam. Ini juga membimbing manusia dalam mengendalikan emosi, membentuk akhlak yang mulia dan mengekalkan hubungan baik sesama manusia dan alam semula jadi. Manakala ilmu pengetahuan dalam bidang sains, perubatan, teknologi dan lain-lain adalah penting untuk memastikan jasad atau tubuh badan manusia berkembang dengan baik dan kekal sihat. Ilmu ini membantu manusia memahami cara untuk menjaga kesihatan fizikal termasuk pemakanan yang seimbang, senaman yang sesuai serta rawatan penyakit dan pencegahan. Teknologi juga membolehkan manusia

mencipta alat dan perkhidmatan yang memudahkan kehidupan sehari-hari, meningkatkan produktiviti dan mengurangkan beban fizikal.

Islam menekankan betapa pentingnya ilmu pengetahuan sebagai asas kehidupan yang seimbang dan bermakna. Ilmu bukan sahaja membimbing individu dalam menjalani kehidupan sehari-hari, tetapi juga mempersiapkan mereka untuk menghadapi kehidupan di akhirat. Firman Allah dalam surah Al-'Alaq (96:1-5) yang menyuruh manusia "membaca" menunjukkan bahawa mencari ilmu adalah perintah yang terawal dalam Islam. Oleh itu, cinta kepada ilmu perlu disemai sejak kecil kerana ia adalah asas kepada pembangunan peribadi yang unggul. Seorang individu yang mencintai ilmu akan sentiasa berusaha untuk memperbaiki dirinya, memahami tanggung jawabnya kepada Allah dan masyarakat. Mereka juga akan lebih berakhlaq, berintegriti dan mampu membuat keputusan yang bijak. Dalam konteks ini, ibu bapa dan pendidik memainkan peranan penting dalam menanamkan kecintaan kepada ilmu dalam diri anak-anak melalui didikan yang berasaskan nilai-nilai Islam. Dengan ini, anak-anak bukan sahaja cemerlang di dunia tetapi juga bersedia menghadapi cabaran di akhirat. Sebagai seorang muslim menuntut ilmu itu adalah suatu perkara yang penting dan wajib. Hadis yang diriwayat oleh Ibn Majah bahawa Rasulullah SAW telah bersabda bermaksud menuntut ilmu itu adalah satu fardhu yang wajib atas tiap-tiap orang Islam. Hadis ini menjelaskan bahawa menuntut ilmu merupakan perkara yang penting dan menjadi kewajiban bagi setiap orang Islam.

Ibu bapa adalah teladan utama dalam kehidupan anak-anak dan peranan mereka sangat penting dalam menanamkan cinta kepada ilmu. Anak-anak cenderung meniru tingkah laku ibu bapa mereka oleh itu jika ibu bapa menunjukkan minat yang mendalam terhadap ilmu, anak-anak juga akan terdorong untuk mengikutinya. Antara cara ibu bapa boleh menanamkan kecintaan kepada ilmu ialah dengan membaca bersama anak-anak. Aktiviti ini bukan sahaja mengeratkan hubungan keluarga tetapi juga menanamkan budaya membaca dalam diri anak-anak. Selain itu, ibu bapa boleh menghadiri kelas agama bersama anak-anak, menunjukkan bahawa menuntut ilmu adalah aktiviti penting dalam kehidupan sehari-hari. Praktikkan ilmu yang dipelajari dalam kehidupan sehari-hari juga memberi contoh yang nyata kepada anak-anak tentang bagaimana ilmu dapat memberi manfaat dalam kehidupan. Dengan cara ini, anak-anak akan melihat bahawa ilmu adalah sesuatu yang bernilai dan harus dihargai sepanjang hayat.

Mengintegrasikan ilmu dalam aktiviti harian adalah kunci untuk menanamkan cinta kepada ilmu dalam kalangan anak-anak. Salah satu cara ialah dengan mengaitkan pelajaran agama dengan subjek lain seperti sains, matematik dan seni. Contohnya, ketika mengajar sains, ibu bapa boleh menerangkan keajaiban ciptaan Allah melalui kajian tentang alam semesta, sekaligus menguatkan kefahaman anak-anak tentang kebesaran Allah. Dalam matematik, konsep keadilan dan kesaksamaan boleh dikaitkan dengan nilai-nilai Islam, mengajar anak-anak

tentang pentingnya keadilan dalam kehidupan. Seni pula boleh dijadikan medium untuk mengekspresikan nilai-nilai Islam melalui lukisan atau karya kreatif yang berunsurkan ajaran Islam. Selain itu, menggalakkan perbincangan tentang isu-isu harian dari perspektif Islam membantu anak-anak melihat bagaimana ilmu yang dipelajari di sekolah boleh diterapkan dalam kehidupan sebenar. Pendekatan ini bukan sahaja menjadikan pembelajaran lebih menarik tetapi juga memastikan ilmu yang dipelajari berkaitan dengan kehidupan mereka sehari-hari.

Menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif di rumah adalah faktor penting dalam menanamkan cinta kepada ilmu pada anak-anak. Suasana rumah yang menyokong pembelajaran membantu anak-anak fokus dan berminat terhadap ilmu. Mewujudkan sudut pembelajaran yang selesa, seperti menyediakan meja yang sesuai dan pencahayaan yang baik, dapat meningkatkan keupayaan anak-anak untuk belajar dengan lebih efektif. Mengurangkan gangguan seperti televisyen dan peranti elektronik juga penting untuk memastikan anak-anak tidak terganggu semasa belajar. Ini boleh dilakukan dengan menetapkan waktu tertentu untuk penggunaan peranti dan menekankan keutamaan pembelajaran. Selain itu, menyediakan akses kepada bahan bacaan yang bermanfaat, termasuk buku-buku agama, sains, dan kisah-kisah inspirasi dalam Islam, membantu merangsang minat anak-anak terhadap ilmu. Persekutuan rumah yang mendukung ini bukan sahaja menggalakkan anak-anak untuk belajar, tetapi juga menanamkan dalam diri mereka bahawa ilmu adalah nilai yang perlu dijaga dan dihargai sepanjang hayat.

Islam sangat menggalakkan umatnya untuk berfikir dan bertanya, sebagai cara untuk memperkasa ilmu dan memahami dunia. Firman Allah dalam Al-Quran menyebutkan banyak kali tentang pentingnya berfikir dan mengambil iktibar dari alam semesta (Al-Imran, 3:190-191). Ibu bapa memainkan peranan penting dalam menanamkan semangat ini dalam diri anak-anak dengan menggalakkan mereka bertanya soalan. Soalan-soalan ini tidak hanya meningkatkan pemahaman anak-anak, tetapi juga mendorong mereka untuk mencari jawapan dari sumber-sumber yang sahih seperti Al-Quran, hadis dan pandangan ulama yang diiktiraf. Selain itu, ibu bapa perlu bersedia menghadapi soalan-soalan yang mencabar, terutama yang berkaitan dengan isu-isu kontemporari, dengan merujuk kepada ajaran Islam. Ini bukan sahaja membantu anak-anak memahami isu-isu tersebut dari perspektif Islam tetapi juga mengukuhkan cinta mereka terhadap ilmu kerana mereka melihat bahawa Islam menawarkan jawapan yang relevan dan logik terhadap setiap persoalan dalam kehidupan.

**Kesimpulannya**, menanam cinta ilmu pada anak-anak melalui didikan Islam memerlukan persekitaran yang kondusif, dorongan untuk berfikir dan bertanya serta bimbingan dari ibu bapa sebagai teladan. Melalui pendekatan ini anak-anak akan memahami kepentingan ilmu, menjadikannya asas dalam membentuk peribadi yang unggul menurut ajaran Islam. Ilmu memainkan peranan penting dalam perkembangan kognitif kanak-kanak. Ia membantu mereka mengembangkan pemikiran kritis, penyelesaian masalah, logik dan kreativiti.

# Etika Pembelian Barangan Menurut Islam

Oleh:

**Nuruul Hidayah Mansor, Muhammad Noor Hussin, Nur Syahirah Mohd Noh & Athira Ayuni Asmadi**


Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Pembelian merujuk kepada proses di mana seseorang individu atau organisasi memperoleh barang atau perkhidmatan dengan membayar sejumlah wang atau memberikan sesuatu yang bernilai sebagai pertukaran. Ia merupakan satu transaksi ekonomi di mana pembeli mendapatkan sesuatu yang diingini atau diperlukan daripada penjual. Pembelian dalam Islam merujuk kepada proses pertukaran harta atau wang dengan barang atau perkhidmatan yang diperlukan, dilakukan secara sukarela dan mematuhi prinsip-prinsip syariah. Ia bukan sekadar transaksi ekonomi semata-mata, tetapi merupakan satu bentuk ibadah apabila dilaksanakan dengan niat yang betul dan mengikuti garis panduan Islam. Pembelian dalam konteks Islam menekankan aspek keredhaan antara pihak yang terlibat, ketelusan dalam urusan dan memastikan produk atau perkhidmatan yang dibeli adalah halal dan bermanfaat.

Kepentingan pembelian adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan asas dan menyokong pembinaan kehidupan yang baik. Pembelian yang beretika akan menyumbang kepada pembangunan ekonomi yang sihat dan adil, selaras dengan tuntutan maqasid syariah di samping peluang kepada individu untuk mendapat ganjaran pahala melalui niat dan tindakan yang baik dalam aktiviti pembelian. Pembelian juga merupakan medan kepada individu Muslim untuk mengamalkan nilai-nilai Islam seperti kejujuran, amanah dan kebajikan dalam urusan harian mereka melalui pelbagai aktiviti ekonomi. Pembelian yang selaras dengan prinsip Islam dapat membantu melindungi pengguna daripada eksloitasi dan memastikan kualiti hidup yang lebih baik untuk semua pihak dalam masyarakat.

Islam menekankan etika dalam setiap aspek kehidupan, termasuk dalam aktiviti pembelian. Etika dalam pembelian adalah sangat penting menurut pandangan Islam kerana ia mencerminkan nilai-nilai agama Islam yang diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Islam melihat setiap tindakan, termasuk pembelian, sebagai sebahagian daripada ibadah dan tanggungjawab moral. Islam memberikan garis panduan yang sangat praktikal dalam aktiviti jual beli. Pengguna muslim perlu menguruskan perbelanjaan atau pembelian dengan baik tanpa ada pembaziran.

Amalan membeli barang dalam konteks Islam dan pengurusan kewangan yang bijak memerlukan pendekatan yang seimbang dan bertanggungjawab. Sebelum membuat sebarang pembelian, seseorang individu seharusnya menilai dengan teliti keperluan sebenar barang tersebut dalam kehidupannya. Ini bermaksud setiap individu perlu membezakan antara keinginan dan keperluan, serta mempertimbangkan kesan jangka panjang pembelian tersebut terhadap kewangan peribadi dan keluarga. Setiap pembelian perlulah dinilai dari sudut keperluan terlebih dahulu dengan mengambil kira tingkat keutamaan yang



diperlukan oleh pengguna agar ia selari dengan maqasid syariah. Pembelian hendaklah mengikut hierarki kepentingan iaitu dengan mengutamakan perbelanjaan kepada keperluan asas hidup (*daruriyyat*), barang keperluan penting kehidupan (*Hajiyah*) dan barang pelengkap keselesaan (*Tahsiniyyah*).

Barangan daruriyat merangkumi keperluan asas yang mesti dipenuhi untuk menjamin kelangsungan hidup dan agama seperti makanan asas, tempat tinggal dan pakaian. Hajiyat pula merujuk kepada keperluan penting untuk mengelakkan kesukaran dalam kehidupan, seperti pengangkutan atau peralatan rumah yang memudahkan kehidupan sehari-hari. Manakala tahsiniyat adalah barang atau perkhidmatan yang bersifat pelengkap dan memperindah kehidupan, namun tidak membawa kesusaahan jika ditinggalkan, seperti perhiasan rumah atau pakaian mewah. Pendekatan ini membantu individu membuat keputusan pembelian yang bijak dan berhemat, memastikan keperluan asas dipenuhi terlebih dahulu sebelum membelanjakan wang untuk kemewahan, sekaligus mengelakkan pembaziran dan memupuk gaya hidup yang seimbang menurut prinsip Islam.

Amalan membeli yang baik juga melibatkan perancangan belanjawan yang rapi, di mana seseorang menetapkan had perbelanjaan dan berpegang teguh padanya. Penting juga untuk membuat penyelidikan dan perbandingan harga sebelum membuat keputusan pembelian, memastikan nilai terbaik untuk wang yang dibelanjakan. Dalam era digital ini, pembeli perlu berhati-hati dengan taktik pemasaran yang boleh mendorong pembelian impulsif, terutamanya melalui

platform e-dagang dan media sosial. Selain itu, amalan membeli yang bertanggungjawab juga mengambil kira faktor etika dan kelestarian, seperti memilih produk yang mesra alam atau menyokong perniagaan tempatan.

#### **Halal dan Tayyib**

Pembelian barang mestilah ke atas barang yang halal atau dibenarkan dalam Islam. Barang yang dibeli mestilah dapat memberikan manfaat yang baik kepada pengguna dan tidak mendaratkan kemudarat kepada pembeli atau pengguna mahupun orang lain. Pembelian mestilah dari sumber pendapatan yang halal.

#### **Niat yang baik**

Etika pembelian yang berlandaskan niat yang baik merupakan asas penting dalam amalan perbelanjaan yang bertanggungjawab menurut perspektif Islam. Niat yang baik dalam konteks ini bermaksud seseorang membeli dengan tujuan yang murni, bukan sekadar untuk memuaskan nafsu atau bersaing dengan orang lain. Pembelian perlu diniatkan untuk memenuhi keperluan diri dan keluarga atau untuk membantu orang lain dan ia akan dianggap sebagai ibadah jika dilakukan dengan ikhlas.

#### **Sederhana (wasatiyyah)**

Islam mengajar umatnya supaya sentiasa bersikap sederhana. Kepentingan membeli secara bersederhana dapat mengelakkan individu muslim dari sikap pembaziran dan berlebih-lebihan dalam pembelian. Sikap bersederhana ini juga melibatkan pemilihan produk yang berkualiti tetapi pada harga yang berpatutan, tanpa terjebak dalam gaya hidup mewah atau membeli jenama mahal semata-mata untuk tujuan memperagakan kepada orang lain. Wasatiyyah dalam pembelian dapat mendorong individu untuk mempertimbangkan impak pembelian terhadap kewangan peribadi dan keluarga serta kesannya terhadap masyarakat dan alam sekitar.

#### **Jujur**

Seorang pembeli yang jujur akan bersikap telus tentang kemampuan kewangan mereka, tidak berhutang untuk membeli barang yang tidak diperlukan atau di luar kemampuan mereka. Mereka juga akan jujur dalam interaksi dengan penjual, tidak cuba menipu atau memanipulasi untuk mendapatkan harga yang lebih rendah secara tidak adil. Sikap jujur juga bermaksud mengakui kesilapan jika berlaku kesalahan semasa transaksi, seperti mengembalikan wang yang lebih daripada sepatutnya dan tidak membuat ulasan palsu untuk mendapatkan keuntungan yang tidak wajar.

#### **Menghormati hak orang lain**

Pembeli perlu membayar dengan harga yang adil supaya tiada sebarang penindasan di mana-mana pihak sama ada penjual maupun pembeli. Pembeli dibenarkan untuk tawar menawar, namun tidak sehingga boleh merugikan pihak penjual. Ia juga penting untuk menyokong perniagaan orang lain terutamanya perniagaan tempatan dan perniagaan orang Islam.

#### **Mempertahankan Hak-Hak Pengguna dengan sewajarnya**

Kuasa pengguna bermaksud hak yang ada pada pengguna untuk menyuarakan pendapat, melakukan tindakan dan bersatu padu dalam mempertahankan hak pengguna. Pembeli atau pengguna sewajarnya bersatu hati dalam menyuarakan hak-hak pengguna. Pengguna boleh menggunakan saluran yang betul menerusi Persatuan Pengguna untuk menyuarakan isu-isu kepenggunaan seperti kenaikan harga tanpa kawalan di pasaran.

**Kesimpulannya**, pembelian dari perspektif Islam bukan sekadar melibatkan diri dalam transaksi ekonomi, tetapi merupakan tindakan yang mempunyai sinergi dimensi antara spiritual, etika dan sosial. Ia adalah cara untuk memenuhi keperluan dunia sambil mematuhi prinsip-prinsip agama dan menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan. Secara keseluruhannya, etika dalam pembelian sangat penting bukan sekadar satu set peraturan tetapi merupakan manifestasi keimanan dan ketaqwaan dalam urusan muamalat. Ia penting untuk membentuk masyarakat yang berintegriti, ekonomi yang stabil dan kehidupan yang diberkati selaras dengan ajaran Islam. Akhir sekali, dengan sentiasa mengingati konsep qanaah (berpuas hati dengan apa yang dimiliki) ia diharap, dapat membantu pembeli mengawal nafsu membeli untuk mengelakkan pembaziran yang amat tidak disarankan dalam Islam.

# CGCT TAC401 dan TAC451: Memahami Perubahan Bentuk Kata Kerja Bahasa Arab (*Fi'il Madhi & Fi'il Mudhari'*)

Oleh:

**Mohd Islah Mohd Yusof, Mashitah Nordin, Norshida Hashim, Syahirah Almuddin & Mohd Khairul Akhbar Jahiruddin**  
Pensyarah Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Projek Collaborative Teaching bagi kod Bahasa Arab Tahap 1 TAC401 (*Introductory Arabic Level I*) dan kod Bahasa Arab Tahap 2 TAC451 (*Introductory Arabic Level II*) telah diadakan pada 14 Jun 2024 bagi sesi Semester Mac - Julai 2024. Webinar ini merupakan projek di bawah *Collaborative Group: Collaborative Teaching (CGCT) 2024* yang dikelolakan oleh *Centre for Innovative Delivery & Learning Development (CIDL)* UiTM. Projek ini telah dilaksanakan menggunakan Model 2 yang merupakan model kolaborasi penyampaian. Projek ini adalah kolaborasi antara dua universiti yang berbeza iaitu UiTM Negeri Sembilan (Kampus Seremban 3, Kampus Kuala Pilah dan Kampus Rembau) dengan jumlah peserta seramai 102 orang pelajar dan juga Universiti Malaya yang diwakili oleh penceramah jemputan (Ustaz Mohd Khairul Akhbar bin Jahiruddin). Penceramah jemputan merupakan pensyarah bahasa di Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa-Bahasa Timur Tengah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya. Platform yang digunakan adalah Google Meet secara live selama 2 jam di luar waktu kuliah sesi pembelajaran.

Tajuk webinar adalah "Memahami Perubahan Bentuk Kata Kerja Bahasa Arab (*Fi'il Madhi dan Fi'il Mudhari'*)" dengan mengambil kira kandungan topik yang dipelajari oleh para pelajar untuk kedua-dua kod yang telah dipilih. Permasalahan yang dihadapi oleh pelajar adalah untuk mengingati dan membezakan kedua-dua kaedah kata kerja bahasa Arab tersebut. Kadangkala mereka keliru dalam menentukan atau menggunakan kedua-dua kaedah tersebut terutamanya apabila perlu menjawab beberapa



soalan berbentuk kaedah (*nahu*) untuk Ujian Bertulis dan juga penggunaannya dalam perkataan kata kerja untuk penyampaian dialog/bacaan lisan dalam Ujian Akhir Pembentangan 'Role-play'.

Berdasarkan webinar tersebut, sebelum pelajar faham kaedah ini, mereka perlu memahami dahulu konsep ilmu asas yang berkaitan iaitu ilmu kaedah pembentukan perkataan (*assarf*) dan juga ilmu menyusun perkataan dalam ayat dengan cara bacaan baris akhir yang betul (*nahu*). Maka, beberapa contoh ayat sama ada ayat namaan (*jumlah ismiyyah*) dan ayat kerjaan (*jumlah fi'liyyah*) telah diberi kepada peserta atau pelajar dengan menguji tahap keupayaan bacaan/sebutan baris perkataan khususnya baris akhir bagi tujuan mengukur tahap kefahaman dan kemahiran asas nahu secara holistik berdasarkan pengalaman dan input pembelajaran mereka selama ini. Aspek ini sangat penting dalam memastikan kaedah bacaan yang tepat dan kefahaman maksud yang betul terutamanya ayat-ayat yang telah diberi adalah contoh-contoh ayat dalam doa, selawat nabi, hadith, ayat quran, ayat-ayat asas (*jumlah 'umda*) dan ungkapan-ungkapan harian (*atta'abir alyaumiyyah*). Perkara ini memberi kesan besar terhadap fungsi makna dan hukum serta penyampaian mesej yang tepat.

Diharapkan program ini akan dilakukan lagi pada masa akan datang dengan topik-topik yang berbeza terutamanya berkaitan kaedah atau tatabahasa untuk memantapkan tahap kemahiran bahasa dalam kalangan pelajar-pelajar UiTM. Program ini akan dilakukan juga untuk kod-kod lain seperti KOD TAC501, TAC101 dan TAC151 dengan penglibatan universiti dan industri luar yang lain.



# Alumni '5' IC120 Convocation Frame



Oleh:

**Nurul Hidayah Mansor**

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah

**18 September 2024**, Detik-detik terindah di sekitar Majlis Konvokesyen Universiti Teknologi MARA (UiTM) ke-99 (Sidang 25) yang berlangsung di Dewan Agung Tuanku Canselor, UiTM Shah Alam telah menyaksikan seramai 118 orang graduan dari Program Diploma Pengurusan Halal (IC120) telahpun menerima penganugerahan ijazah pengajian di peringkat Diploma. Penganugerahan ini merupakan pengiktirafan kepada usaha gigih dan dedikasi mereka sepanjang menyempurnakan sesi pengajian mereka di UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah. Turut hadir meraikan adalah barisan pensyarah dari kampus Kuala Pilah iaitu Dr Nabilah Huda, Dr Rafidah, Puan Nurul Safwah dan Puan Nuruul Hidayah.

Menerusi sidang tersebut telah menyaksikan kejayaan yang membanggakan apabila pelajar bernama Nuradriana Binti Hazamee dari program IC120 telah dinobatkan sebagai penerima tiga anugerah kecemerlangan akademik iaitu sebagai penerima Anugerah Naib Canselor, Anugerah Graduan Terbaik Fakulti dan Anugerah Graduan Terbaik Program. Diharapkan kejayaan ini menjadi inspirasi dan menjadi pembakar semangat kepada mahasiswa-mahasiswa program di kampus. Momen-momen yang dirakamkan menjadi detik kenangan terindah kepada pelajar bersama ahli keluarga, rakan-rakan dan semua kenalan.





Malaysia  
تَهْمِيَّه  
*& Syabas*  
diucapkan kepada

**USTAZAH SUHAILA SHAHRIL**  
diatas kejayaan memenangi  
**PERTANDINGAN FOTO  
KEMERDEKAAN**

Peringkat UiTM Cawangan Negeri Sembilan,Kampus Rembau  
sempena

**PERTANDINGAN SEMARAK BULAN KEMERDEKAAN 2024**  
UiTM Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Rembau

**UiTM di hatiku** *لُبْسَهَا تَقْرِيْ مُولِيَا*

FOLLOW US ON SOCIAL MEDIA:  
f @ o d  
UITMKAMPUSREMBAU